

12 MAR 2001

Musa-pusat

UM TENTUKAN CARA PENGAMBILAN PELAJAR BARU PUSAT ASASI SAINS, KATA MUSA

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Kementerian Pendidikan menyerahkan kepada pentadbiran Universiti Malaya untuk menyediakan butiran tentang cara pengambilan pelajar baru Pusat Asasi Sains universiti itu bagi sesi akademik bermula akhir bulan ini.

Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamed berkata kementerian memberi kebenaran supaya pusat itu terus dibuka tetapi pihak pentadbiran UM perlu mengemukakan cadangan bagaimana pusat itu akan dikendalikan seterusnya.

Bercakap kepada pemberita di pejabatnya di sini, beliau menjelaskan bahawa sebagaimana prosedur biasa, cadangan yang hendak dikemukakan kepada kementerian perlu terlebih dahulu mendapat persetujuan Naib Canselor dan Majlis Senat universiti itu.

Awal tahun ini, Naib Canselor UM Prof Datuk Dr Anuar Zaini Mohd Zain mengumumkan bahawa Pusat Asasi Sains itu yang menyediakan kursus pra-universiti kepada pelajar bumiputera dalam bidang sains sejak 23 tahun lepas, akan ditutup pada April ini.

Keputusan itu mendapat bantahan pelbagai pihak terutamanya daripada tokoh akademik dan pemimpin politik.

Pentadbiran UM akhirnya membatalkan rancangan itu setelah dinasihati oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mengenai bentuk cadangan yang boleh diterima oleh Kementerian, Musa berkata ia harus selaras dengan kehendak semasa.

Katanya ini perlu kerana Kementerian akan menentukan aspek pembiayaan pusat itu.

--BERNAMA

AKT ZS NAK